

"Jangan Bersikap 'Tak Sabar' Mahu Singkir Kami," Kata PAS Kepada Guan Eng
MStar
11 Jun 2015
Oleh: SYED AZHAR

KOTA BHARU: Ketua Menteri Pulau Pinang Lim Guan Eng tidak boleh bersikap tidak sabar untuk menyingkirkan wakil PAS daripada kerajaan negeri, kata Datuk Mohd Amar Abdullah.

Naib Presiden PAS berkata, semua wakil parti berkenaan akan meletak jawatan sebaik sahaja usul parti itu untuk memutuskan hubungan dengan DAP disahkan oleh Majlis Syura.

"Saya benar-benar tidak faham bahagian mana penjelasan yang diberikan oleh pemimpin-pemimpin PAS yang dia tidak faham," kata beliau sambil menambah PAS secara rasmi masih bersama Pakatan Rakyat.

"Saya tidak dapat melihat apa yang dikecohkan tentang ini melainkan Lim merupakan seorang yang pendendam," katanya kepada pemberita di sini, Khamis.

Mohd Amar berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai Guan Eng yang mengatakan bahawa wakil PAS masih tanpa segan silu memegang jawatan kerajaan negeri.

Dalam perkembangan lain, beliau mempersoalkan mengapa Datuk Dr Mujahid Yusof Rawa dan bekas Timbalan Presiden Mohamad Sabu begitu cepat untuk meletakkan jawatan mereka apabila mereka sudah biasa dengan Perlembagaan PAS mengenai prosedur menyokong usul yang diluluskan pada muktamar parti.

Hakcipta Terpelihara © 2015 Star Publications (M) Bhd (Co No 10894-D)

Source: <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2015/06/11/jangan-tak-sabar-singkir-pas/>